

26/08/2002

Usaha cemar Malaysia pada sidang MAAS gagal

A Ghani Nasir

JABATAN Negara Amerika Syarikat dalam menaja penganjuran persidangan antarabangsa mengenai cabaran kepelbagaian agama di Amerika dan Asia Tenggara di Kuala Lumpur baru-baru ini, mempunyai satu matlamat tersembunyi - memberitahu penduduk Malaysia dan negara rantau Asia amnya pentadbiran Bush menghormati Islam dan semua agama.

Ia juga mahu diperakui kononnya Amerika tidak memangsakan penganut Islam atau agama lain.

Malangnya, sedang Kedutaan Amerika Syarikat di ibu negara giat memastikan persidangan itu mencapai kejayaan dengan kehadiran hampir 240 peserta, sebahagiannya sarjana pelbagai bidang, agensi berita antarabangsa melaporkan betapa penduduk Amerika keturunan Arab atau pendatang dari negara Arab menjadi mangsa pengintipan, penderaan, penyiasatan dan kekerasan.

Mereka dijadikan sasaran oleh ejen Biro Siasatan Persekutuan (FBI), Agensi Perisikan Pusat (CIA) dan pelbagai agensi penyiasatan Amerika.

Satu hal yang pasti adalah anggapan penduduk kulit putih Amerika bahawa sesiapa saja yang mempunyai 'bin' pada nama mereka harus diletakkan dalam senarai orang disyaki penganas atau bersubahat melakukan keganasan.

Ini kerana adanya 'bin' pada nama lelaki dituduh musuh utama Amerika, Osama bin Laden.

Penduduk Islam, khususnya bangsa Arab di Amerika, terus dipinggirkan dan menjadi bahan siasatan tanpa henti dengan laporan terbaru menyebut golongan peniaga dijadikan sasaran kerana dituduh menghantar wang keuntungan perniagaan untuk membiayai kegiatan al-Qaeda dan pelbagai cabangnya.

Di sebalik curahan timbunan berita mengenai penindasan terhadap umat Islam Amerika itulah, maka kedutaan Amerika membawa masuk kalangan sarjana dari Universiti Harvard, Temple, Loyola di Chicago dengan pembentangan Profesor Diana L Eck, pakar dalam bidang Perbandingan Agama dan Pengajian India agak menonjol.

Dalam bercakap khusus daripada perspektif Islam dan masyarakatnya, Dr Mahmoud Ayoub, profesor Pengajian Islam dan Perbandingan Agama, Universiti Temple, Pennsylvania; Imam Talib Abdur Rashid dari Masjid Islamic Brotherhood, New York dan tidak kurang juga Profesor Azyumardi Azra dari Islamic State Universiti Jakarta; Profesor Mohamad Abu Bakar (Universiti Malaya) dan Dr Mansor Mohd Nor (Universiti Utara Malaysia) berjaya dalam mengaju dan mempertahankan kedudukan dan perjuangan penduduk Islam baik di rantau ini mahupun di Amerika.

Berdasarkan senarai peserta di persidangan antarabangsa anjuran Malaysian Association for American Studies (MAAS) itu, tidak kurang juga cendekiawan Melayu yang hadir, kebanyakannya sama ada dari Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Malaya (UM) atau Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Bagi mengetengahkan pandangan penganut Buddha, Hindu, Jainisme dan Sikhisme, sarjana dari India dan universiti tempatan turut hadir selain dari universiti Indonesia, Filipina dan Thailand.

Bagaimanapun, apa yang agak mengecewakan adalah usaha menarik perhatian sidang kepada apa yang dianggap sebagai masalah tindakan mencemar rumah ibadat di negara ini.

Ini selain wakil dari wilayah Islam selatan Filipina yang mempertikaikan niat dialog dianjurkan oleh kerajaan Manila dengan pejuang Moro sedang

kempen ketenteraan dibantu Amerika diteruskan di kawasan miskin dan melarat itu.

Setiausaha Agung Majlis Perundangan Malaysia bagi Buddhisme, Kristian, Hindu dan Sikhisme, R Thiagaraja, mempersoalkan mengapa ada gereja dan kuil dibakar, manakala kelulusan membina sebuah gereja di Shah Alam ditarik balik berikutan bantahan penduduk di sekitar tempat itu.

Beliau musykil bagaimana pula pembinaan dua masjid di Puchong dibenarkan sedangkan sebahagian besar penduduk di situ adalah bukan Islam.

Thiagaraja tidak ketinggalan juga menarik perhatian hadirin kepada kewujudan patung Buddha terbesar di rantau ini di Tumpat dan hakikat kuil dan gereja di Kelantan dan Terengganu tidak diganggu.

Dr Mansor, penghujah kedua sesi kelima, menjawab bahawa soalnya bukan perlakuan vandalisme terhadap gereja dan kuil itu, tetapi yang harus diatasi adalah punca hingga ia boleh berlaku.

Kemiskinan dan rasa marah seketika saja dalam situasi terpencil mungkin menjadi punca perbuatan itu.

Jawapan Dr Mansor dengan nada tenang itu menyejukkan keadaan dan dalam kesibukan hendak menamatkan sesi itu, perkara itu dilupa dan diketepikan namun ia tetap mengejutkan ramai hadirin.

Perkara utama yang diperkatakan dalam persidangan itu adalah kekalutan tindakan ejen FBI dan CIA menjadikan penduduk Arab di Amerika sebagai mangsa. Hal ini hangat diperdebatkan. Sebab itulah usaha menyelitkan sesuatu yang dikatakan berlaku di sini mujur dikesampingkan.

Pada sesi panel keenam, Profesor P Ramasamy dari Sekolah Sejarah, Politik dan Pengajian Strategik UKM, membuat kejutan apabila mempersoalkan kewajaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Sepatutnya Malaysia kekal negara sekular, katanya.

Beliau adalah seorang daripada tiga penghujah tajuk, "Kepelbagaian beragama di Amerika dan Asia Tenggara: Kesan demokrasi ke atas ketetapan pertikaian".

Ramasamy membantah keras perisytiharan itu yang katanya dibuat selepas pertemuan Dr Mahathir dengan Presiden George W Bush di Rumah Putih.

Profesor sains politik itu selanjutnya mempertikaikan tindakan UKM menghalang persatuan dianggotai penuntut suku kaum menganjurkan persembahan kebudayaan sedangkan kaum majoriti diberikan kebebasan.

Beliau yang menuntut di Universiti Indiana, Amerika dan McGill, Kanada sebelum mengambil Phd di Universiti Malaya, jelas tersilap kerana Dr Mahathir menyatakan Malaysia negara Islam lama sebelum bertemu Bush.

Malah, oleh kerana penghormatan sebagai pemimpin dari negara Islam sederhana inilah, maka Perdana Menteri mendapat undangan khas Bush yang mahu mendengar pandangan beliau berikutan peristiwa 11 September.

Bukan setakat itu saja, malah Ramasamy turut mempersendakan tindakan Dr Mahathir itu yang beliau sifatkan mungkin keinginan Perdana Menteri menyampaikan 'hadiah perpisahan' sebelum bersara tahun depan.

Pegawai UKM pula ketika dihubungi memberitahu tuduhan pentadbir universiti menghalang persatuan etnik menganjurkan perayaan mereka adalah tidak tepat.

Malah, katanya, Ramasamy sendiri adalah penasihat jawatankuasa penganjur perayaan pesta Ponggal dan Bicara Sastera bagi pelajar India di UKM.

Soalnya apakah muslihat Ramasamy sengaja membuat kenyataan yang tidak betul di suatu persidangan yang dihadiri peserta Amerika?

Kebimbangan kegiatan persatuan yang hanya mementingkan perayaan kesukuan hingga boleh menjejaskan usaha integrasi nasional dibangkitkan oleh Dr Mahathir baru-baru ini.

Jelas bahawa jika setiap persatuan suku kaum dibenarkan menganjurkan

persembahan dan perayaan berasingan, matlamat mencapai perpaduan dan integrasi pelbagai kaum di negara ini akan terencat.

Mengulas kenyataan Dr Ramasamy itu, Dr Mansor berkata beliau kerap membaca tulisan profesor itu dalam dua akhbar Inggeris di sini.

Dr Mansor berpendapat: "Pemikiran Dr Ramasamy tertumpu terhadap masyarakat India saja. Dia sering memaparkan idea masyarakatnya terpinggir dan miskin.

"Ini saya sendiri setuju. Tetapi sikapnya yang sering 'mengetnikkan' dirinya dalam memperkatakan isu masyarakat India membawanya ke arah jalan konflik dengan kerajaan.

"Saya rasa sebagai profesor beliau perlu menyentuh perkara melampaui isu masyarakat India saja dan itupun bukan sekadar analitika tetapi lebih bersifat membina."

Mujur usaha membawa ke tengah isu berkaitan Malaysia itu tidak dipedulikan kerana nasib malang penduduk Islam dan punca Islam dijadikan musuh oleh Bush dan Amerika amnya tetap hangat pada sidang MAAS itu.

Dalam mendengar hujah Dr Mahmoud dan Imam Talib Rashid mengenai pelbagai tindakan menindas pekerja di Domino Pizza Amerika yang memakai hijab dan punca Bush tetap mahu mengganyang Iraq, nasib penduduk Islam di Gujarat yang disembelih dan seluruh kampung dibakar oleh pelampau Hindu tidak dibangkitkan.

Ia tenggelam begitu saja walaupun ada akhbar India sendiri yang menuduh Ketua Menteri Gujarat, Narendra Modi, sengaja menyembunyikan laporan badan perisikan pusat mengenai kekejaman yang dirancang pelampau Hindu untuk menghapuskan penduduk Islam itu.

Prof Diana cuba membawa perbincangan beralih daripada penindasan penganut Islam Amerika kepada kebebasan beragama di sana dengan menekankan betapa majoriti penduduk negara kuasa besar itu amnya percaya akan wujudnya Tuhan, tetapi enggan terikat kepada dogma sebarang agama.

Malah di Pentagon, beliau mendedahkan, malam Lailatulqadar diberikan perhatian oleh pegawai kanan yang mahu kakitangan Islam Jabatan Pertahanan menumpukan perhatian kepada amalan mereka.

Imam Talib Rashid sebelum itu menceritakan bagaimana kubah masjid dirosakkan oleh tembakan kulit putih di beberapa kawasan penduduk Islam di New York yang mempunyai lebih 120 masjid.

Golongan pendatang Arab yang tidak dapat dipisahkan dengan Islam dan negara asal Osama, terus menjadi sasaran serangan sejak musnahnya bangunan berkembar WTC di New York.

Mujur pendatang Afghanistan, Bangladesh, Pakistan yang adalah 30 peratus daripada keseluruhan penduduk Islam Amerika selain umat Islam keturunan Afrika-Amerika (42 peratus) tidak banyak dimangsakan.

Dua contoh menarik diketengahkan oleh imam itu adalah nasib seorang pekerja wanita yang menutup auratnya dengan hijab dan diarah membukanya.

Berikutan saman dikemukakan wanita itu, pengurusan Domino Pizza akhirnya bersetuju membenarkannya menutup aurat tetapi dengan syarat topi besbol harus dipakai di kepalanya.

Begitu juga seorang atendan wanita penerbangan USAir dibenarkan terus memakai hijab tetapi bertukar menjadi penyelia pejabat berikutan tindakannya menyaman syarikat itu.

Prof Mahmoud pula dalam menafsirkan punca kebencian Amerika terhadap Islam memutuskan ia berpunca daripada keinginan Barat dan Amerika untuk menguasai dunia.

Ia tidak mahu kebangkitan kuasa Islam yang mampu menyainginya dan menyekat rancangan itu.

Penganut Islam juga digambarkan sama seperti pejuang pada zaman Perang Salib yang bersedia menghunus pedang untuk membunuh dan menghapuskan kuasa Kristian.

